



K o m e n t a r P e r g a s

Siri Kesederhanaan dalam Islam:

Pendekatan Sederhana Dalam Menangani Isu Keganasan Rumahtangga



Ustaz Mohammad Yusri
Yubhi Md Yusoff



PERGAS

KOMENTAR & ANALISA

Jabatan Pembangunan Kajian

No. 4 / 2018

Komentar Pergas bertujuan untuk menyediakan analisa isu sosio agama berkaitan Islam dan masyarakat Islam. Pandangan di dalam komentar tidak semestinya mewakili pandangan rasmi Pergas. Pandangan yang tertulis di dalam komentar adalah pandangan penulis. Komentar ini boleh ditukil semula bagi tujuan rujukan, namun perlu disertakan pengiktirafan kepada penulis ataupun Jabatan Pembangunan Kajian, Pergas. Sebarang percetakan mahupun penerbitan semula adalah tidak dibenarkan melainkan di atas kebenaran Jabatan Pembangunan Kajian, Pergas. Bagi maklumat lanjut, sila emel kepada info@pergas.org.sg

28 Jun 2018

Sesi Meja Bundar: Siri Kesederhanaan dalam Islam

Pendekatan Sederhana dalam Menangani Isu Keganasan Rumahtangga

Oleh Ustaz Mohammad Yusri Yubhi Bin Md Yusoff

Sinopsis

Komentar ini meneliti mengenai perbahasan nusyuz dalam Islam serta penafsiran ayat ḍarb. Ia menjelaskan bahawa nusyūz di dalam Islam bukan sahaja terhad kepada isteri, tetapi ia juga boleh merangkumi para suami. Manakala ḍarb pula didapati mempunyai pelbagai makna dan tidak hanya digunakan dalam erti memukul. Komentar ini kemudian diikuti dengan perbincangan mengenai peranan dan tanggungjawab asatizah dalam menangani isu keganasan rumah tangga.

1. Pengenalan

Tulisan ini merupakan komentar daripada perkongsian awal bagi sesi meja bundar bertajuk Keganasan Domestik bagi siri Kesederhanaan dalam Islam anjuran Pergas.

Ia mempunyai dua bahagian, bahagian pertama akan menyentuh tentang maksud nusyuz dalam Islam dan perbahasan bagi ayat ḍarb atau pukulan.

Manakala bahagian kedua pula akan membincangkan tentang keganasan domestik dari sudut statistik, peranan yang boleh dimainkan oleh asatizah dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat. Ia juga bakal membincangkan sikap yang perlu ada pada asatizah apabila berdepan dengan isu ini, di samping saranan bagi pengisian pendidikan Islam dalam membimbing masyarakat dalam menangani isu ini.

2. Maksud Kesederhanaan dalam Islam

Kesederhanaan di sini bukanlah bermaksud bahawa adanya kesederhanaan dalam keganasan domestik. Tetapi sebenarnya yang dimaksudkan di sini ialah dari sudut konsep wasati dalam Islam.

Dengan itu, sederhana dalam Islam di sini bermaksud pendekatan yang cemerlang dan terbaik, penuh hikmah, memberi kemudahan dan jalan keluar dalam menangani permasalahan selain pendekatan yang tidak terlalu melampau mahupun terlalu meringankan.¹

3. *Nusyūz* dari kaca mata pandangan ulama

Pertama: *Nusyūz* Isteri

Tafsiran *nusyūz* bagi isteri dari kaca mata para ulama tafsir baik dari sudut pandangan ulama silam mahupun kontemporari adalah tidak banyak bezanya. Kesemuanya berlegar dalam maksud isteri yang tidak mematuhi perintah Allah, tidak taat pada suami mahupun derhaka kepada para suami.²

Sekalian pendapat yang disebutkan tadi adalah merujuk kepada firman Allah dalam surah al-Nisa ayat 34 yang bermaksud:

“Wanita-wanita yang kamu khuatirkan *nusyūznya*, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.”

Kedua: *Nusyūz* Suami

Namun, *nusyūz* dalam Al-Quran bukan hanya eksklusif terhadap isteri sahaja, ia juga berlaku terhadap para suami juga. Ini disebutkan dalam surah al-Nisa ayat 128.

Ertinya: “Dan jika seorang wanita bimbang akan nusyuz atau sikap tidak acuh dari suaminya maka tidak mengapa bagi kedua-duanya mengadakan *sulh* yakni penamatkan pertikaian yang sebenarnya dan *sulh* itu lebih baik (bagi mereka)”

Sama seperti *nusyūz* isteri, perbahasan *nusyūz* suami juga tiada bezanya dari sudut pendapat para ulama silam dan ulama semasa.

¹ Yusuf al-Qaradawi (2013), Islamic Moderation and Renewal (Wasatiyyah-Tajdid), Mohamed Ajmal Bin Abdul Razak al-Aidrus (ed.), Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought, h. 18-22.

² Al-Qurtubi (2006), *Al-Jāmi' Li Ahkām Al-Qurān*, ed. Dr. 'Abd Allah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turki et al, jld. 6, Damsyiq: Muassasah Al-Risalah, ms. 285. Ibn Kathir Al-Dimashqi (1998), *Tafsir Al-Qur'ān Al-'Azhim*, Muhammad Husayn Sham Al-Din (ed.), Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah jld. 2, ms. 492. Dr Wahbah Al-Zuhayli (1989), *Al-Fiqh Al-Islāmi Wa Adillatuh*, jld. 7, Beirut: Dar Al-Fikr, ms.338.

Maksud *nusyūz* suami di sini ialah termasuk mengabaikan tanggungjawab terhadap isterinya seperti tidak memberikan nafkah harian seperti menyediakan tempat penginapan, perbelanjaan harian seperti duit pasar dan juga bil-bil harian yang lain. Malah termasuk dalam pengabaian tanggungjawab di sini ialah dari sudut nafkah batin.

Perbuatan mencela dan maki hamun isteri serta memukul isteri juga termasuk dalam hal *nusyūz* suami. Ia juga termasuk kegagalan memenuhi kepuasan seksual mahupun berlaku adil kepada isteri lantaran sikap suami yang menduakan isteri dengan wanita lain.³

4. *Nusyūz* Suami dan Isteri Menurut al-Zuhaily

Ini dapat disimpulkan dengan baik oleh al-Zuhaily yang menyatakan *nusyūz* adalah ketidakpatuhan salah satu pasangan terhadap apa yang seharusnya dipatuhi, atau rasa benci terhadap pasangannya.

Dengan kata lain, tidak taatnya suami atau isteri kepada aturan-aturan yang telah diikat oleh perjanjian yang telah terjalin dengan sebab ikatan perkawinan tanpa alasan yang dibenarkan oleh syara'.⁴

5. Latar Belakang Ayat Pukulan atau *Darb*

Bagi memahami maksud *darb* secara menyeluruh, adalah sebaiknya dilihat terlebih dahulu konteks mengapa ayat ini diturunkan dan keadaan masyarakat Islam pada masa itu dari sudut layanan terhadap wanita terutamanya isteri.

Menurut riwayat Hasan al-Basri: “Seorang wanita telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w. bahawa suaminya telah memukulnya.” Rasulullah s.a.w. lalu bersabda: “Ia akan dikenakan hukum *qisāṣ*”.

Maka Allah menurunkan ayat ini:

Ertinya: “Maka golongan wanita yang solehah itu ialah yang taat (Yakni kepada Allah), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, Dengan pemeliharaan Allah dan pertolongan-Nya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (Yakni nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau mereka tetap masih berdegil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada

³ Sayyid Hawa, al-Asas Fi al-Tafsir, j.2, h. 1194.

⁴ Wahbah Al-Zuhayli (1989), *Al-Fiqh Al-Islāmi Wa Adillatuh*, jld. 7, Beirut: Dar Al-Fikr, h.338.

kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.”

Surah al-Nisa' ayat 34

Diriwayatkan pula bahawa perempuan itu kembali ke rumahnya dan suaminya tidak mendapat hukuman *qisāṣ* sebagai balasan terhadap tindakannya, kerana ayat ini membolehkan memukul isteri yang tidak taat kepada suaminya, dengan tujuan mendidik dan meningkatkannya.⁵

Dalam satu riwayat yang lain pula disebutkan bahawa Sa'ad Bin Rabi` telah memukul isterinya yang *nusyūz* bernama Habibah binti Zayd bin Abi Zuhayr. Si bapa kemudiannya telah membawa anak perempuannya mengadu kepada Rasulullah s.a.w. dengan berkata:

“Saya telah mengahwinkan dia (Yakni Sa'ad) dengan anak saya, tiba-tiba dia telah memukulnya.” Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: “Suruhlah dia mengambil *qisāṣ* (yakni membalas pukul) kepada suaminya.” Maka beredarlah keduanya hendak memukul Sa'ad sebagai balasan kerana hukuman yang demikian telah ditetapkan oleh ayat yang telah terdahulu turunnya.

Tiba-tiba Nabi s.a.w telah menegah keduanya mengambil *qisāṣ* seraya berkata:

“Kembalilah kamu, ini Jibril telah datang kepada aku, dan Allah s.w.t. menurunkan ayat ini. Kemudian Baginda pun berkata: “Kita berkehendakkan sesuatu, kiranya Allah menghendaki yang lain pula, maka apa yang dikehendaki oleh Allah itu yang baik”.

Dan dengan ini terangkatlah hukum *qisāṣ* terhadap suami ini, kecuali yang membahayakan atau menyebabkan hilangnya nyawa.⁶

6. Pandangan Ulama Bagi Maksud *Darb*

Dalam hal ini, terdapat dua pandangan para ulama bagi maksud *darb*:

Pertama: *Darb* Bermaksud Pukulan Secara Literal

Para ulama Tafsir silam seperti Imam Ibn Kathir dan al-Qurtubi menyatakan lafaz *darb* dalam ayat 34 surah *al-Nisa'* ialah bermaksud pukul yang tidak mencederakan selepas langkah-langkah mendidik suami terhadap isteri sebelumnya tidak memberikan sebarang kesan.⁷

⁵ Ibn Kathir, *Tafsir al-Qurān al-'Azim*. Beirut: Dar al-Jil, j.1, h. 465

⁶ Ali Ibn Ahmad al-Wahidi, *Asbab Nuzul al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, h. 155.

Pendapat yang sama juga turut dipersetujui oleh ulama Tafsir semasa seperti M Quraish Shihab dalam kitab Tafsir Al-Mishbah, di mana beliau menyokong pendapat-pendapat para ulama Tafsir silam yang terdahulu.⁸

Konsep Pukulan Tidak Mencederakan

Penerangan tentang konsep pukulan yang tidak mencederakan ini, diperjelaskan lagi oleh Dr Muhammad ‘Imarah yang menekankan betapa penting bagi suami mempraktiskan cara ajaran Al-Quran ini termasuk pukulan yang tidak mencederakan sebagai salah satu cara mengislahkan dan menyelamatkan rumahtangga dan keluarga dari kehancuran.

Namun mendidik isteri dengan cara ini, perlu kepada elemen kasih sayang, dan bukan sebagai satu cara untuk seksaan atau mencederakan, memberi kemudharatan atau menyakitkan isteri, kerana itu sama sekali bertentangan dengan maqasid atau matlamat utama dalam pernikahan.

Malah diletakkan syarat bahawa dengan pukulan tersebut bukan sahaja tidak sampai mencederakan, tetapi juga tidak berbekas dan tidak boleh terhadap anggota muka atau bahagian anggota yang sensitif dan lembut seperti muka. Namun, jika mereka meyakini bahawa dengan pukulan juga tidak mampu mendidik dan memberikan tindakan apa-apa, maka sebaiknya tidak dipukul. Ini seterusnya bersesuaian dengan tujuan pensyariatan pernikahan atas dasar sakinah, mawaddah dan rahmah.⁹

Dr Muhammad ‘Imarah juga menambah bahawa para ulama mazhab Syafi’i menyatakan bahawa meninggalkan pukulan adalah lebih afdhal, dengan hanya cukup sekadar menasihati dan memisahkan tempat tidur sahaja tanpa perlu kepada langkah memukul. Malah ulama Syafiiyah dan Malikiyyah juga mensyaratkan bahawa hendaklah dengan pukulan ini mampu mendidik dan mengelakkan pihak isteri dari *nusyūz*. Jika tidak, maka tiada hajat untuk dipukul.

Kedua: *Darb* Bukan Bermaksud Pukulan

Pada masa yang sama, terdapat juga para ulama Islam semasa yang berpandangan bahawa *darb* di sini bukan bermaksud pukulan, tetapi membawa maksud umum bagi kalimah *darb* mengikut *siyāq* Al-

⁷ Al-Imam Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi (2006). *Al-Jāmi’ Li Ahkām al-Qurān*, Dr. ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki et al (ed.), j. 6, Damsyiq: Muassasah al-Risalah, h. 285, sila lihat juga Al-Hafiz Ismai’i bin ‘Umar Ibn Kathir al-Dimashqi (1998), ed. Muhammad Husayn Sham al-Din, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah j. 2, h. 492

⁸ M. Quraish Shihab (2002), *Tafsir Al-Mishbah*, Jakarta: Lentera Hati, j. 2, h. 519

⁹ Prof. Muhammad ‘Imarah (2010), *Haqāiq Wa Shubhāt Hawla Makānat al-Mar’ah Fī al-Islām*, Kaherah: Dar al-Salam, h. 171.

Quran¹⁰ iaitu memutuskan hubungan, memisahkan, meninggalkan dan menjauhkan.¹¹ Ini mengambil kira anjuran sunnah ketika mana Nabi s.a.w. memisahkan dirinya dari kediaman para isterinya.

Inilah pilihan yang paling ekstrim dilakukan Nabi, dan bukan dengan cara pukulan atau dengan sesuatu yang menyakitkan fizikal isteri-isterinya, kerana seperti yang dimaklumi melalui sunnah, bahawa Nabi tidak pernah sesekali mengizinkan atau memperakui sebarang tindakan kekerasan. Malah, ia mencukupi dalam memberi kesedaran kepada para isteri Nabi s.a.w. yang bertakwa untuk kembali dari *nusyūz* dan mentaati semula Baginda s.a.w.¹²

Dengan itu melalui pendapat ini, maksud *darb* di sini ialah memisahkan suami dari isterinya dan meninggalkan rumah isteri, merupakan cara terakhir dalam memberi kesedaran kepada isteri untuk berubah sikap dan tidak *nusyūz* agar supaya kembali dalam memahami hak isteri dalam perkahwinan. Makna perpisahan ini juga menurutnya adalah lebih utama dan sesuai dari makna pukulan yang membawa maksud kesakitan dan kecederaan fizikal dan kekerasan, kerana kesemua ini jauh dari maksud dari perhubungan mesra dan mulia hubungan suami isteri dan lari dari tabiat kemanusiaan, dan bukan merupakan cara dalam membina hubungan kasih sayang antara kedua suami isteri.¹³

7. Memahami Konteks Ayat *Darb* Diturunkan Dan Aplikasinya

Timbul pula persoalan mengapa ayat ini diturunkan yang seolah membolehkan perlakuan suami memukul isteri? Tidakkah ini bertentangan sendiri dengan maqasid syariah yang menggalakkan kehidupan yang harmoni dalam rumahtangga, serta perlakuan Nabi s.a.w. sendiri yang sangat menghormati para isterinya seperti yang dianjurkan dalam Quran sendiri?

Maka di sinilah pentingnya kita melihat konteks ayat ini diturunkan pada ketika itu. Bagi beberapa ahli tafsir, ayat ini memberikan gambaran tentang keadaan sosio-ekonomi masyarakat Arab pada saat itu yang menggambarkan seolah berlaku budaya memukul isteri di kalangan masyarakat Arab ketika itu, dan ini termasuklah di kalangan sesetengah para sahabat.¹⁴

¹⁰ *Siyāq* adalah indikator yang digunakan untuk menetapkan makna yang dimaksudkan oleh pembicara atau susunan kata. Ia adalah bingkai yang didalamnya terhimpun unsur-unsur teks dan kesatuan kebahasaan yang berfungsi menghubungkan, bukan sahaja kata, tetapi juga rangkaian kalimat serta situasi dan kondisi yang menyertainya, lalu dari himpunan keseluruhan unsur tersebut ditemukan oleh pembaca/pendengar teks, makna atau idea yang dimaksud oleh teks. Sila lihat M. Quraish Shihab (2013), *Kaidah Tafsir: Syarat, Ketentuan dan Aturan Yang Patut Anda Ketahui Dalam Memahami Al-Quran*. Jakarta: Penerbit Lentera Hati, h. 253-254

¹¹ Dr ‘Abd al-Hamid Abu Sulayman (2002), *Dharb al-Mar’ah: Wasilah Khilafat al-Zawjiyyah*, Virginia: International Institute of Islamic Thought, h. 26

¹² Ibid, h. 29

¹³ Ibid, h. 30

¹⁴ Syafiq Hashim (2001), *Hal-Hal Yang Tak Terfikirkan Tentang Isu-Isu Keperempuanan Dalam Islam*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 187

Jelas berdasarkan sebab nuzul dan konteks ayat ini diturunkan, ia menunjukkan ayat ini diturunkan dengan tujuan bagi membataskan pukulan sebagai solusi pertama dalam mendidik isteri yang nusyuz.

Ini secara jelas menafikan hak suami untuk memukul isteri sesuka hati sebagai langkah pertama bagi tindakan untuk mendidik isteri. Malah menurut pendapat yang membolehkan pukulan turut disertakan syarat-syarat yang ketat hingga akhirnya seolah ingin membatasi dan seterusnya menghapuskan budaya pukulan.

Berdasarkan ini, penulis lebih cenderung pada pendapat yang tidak membolehkan pukulan dalam konteks hari ini. Ini bersesuaian dengan amalan Rasulullah s.a.w. yang merupakan praktis terbaik bagi kita umatnya dalam melayan isteri, kerana Baginda tidak pernah sekalipun memukul isterinya, malah terdapat riwayat yang menegah pukulan pada isteri seperti yang disebutkan sebelum ini bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“Adakah patut seseorang kamu memukul isterinya bagaikan memukul seseorang hamba kemudian menidurinya pada malamnya”.

8. Penafsiran Semula Ayat

Prof. Muhammad ‘Imarah (2010), *Haqāiq Wa Syubhāt Hawla Makānat al-Mar’ah Fī al-Islām*, tafsiran semula pada ayat-ayat tertentu perlulah kepada tafsir yang menyeluruh antara konteks logik dan syarak.

Penelitian semula hikmah di sebalik syarak terutama dalam konteks kemajuan wanita hari ini. Dengan ini ia perlulah kepada kefahaman yang baru sesuai dengan prinsip syariah berdasarkan Quran dan sunnah Rasulullah, sirah nabawiyah dan sejarah hidup para sahabat.

Malah sebaik-baik pemahaman Al-Quran ialah dengan kita refleksi kepada akhlak Rasulullah sendiri bersama para isteri, kerana akhlak Nabi itulah Al-Quran sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis

9. Tafsiran Wasati Bagi Ayat Pukulan

Tafsiran yang wasati hendaklah tidak menafikan sama sekali wujudnya tafsiran secara literal bagi *darb* sebagai pukulan kerana *Sabab nuzūl* secara jelas menunjukkan sedemikian. Di tambah pula, banyak sekali tafsiran para ulama Islam yang bersetuju bahawa maksud *darb* ialah pukulan. Ini ditambah pula dengan hujah hadis Rasulullah s.a.w., walaupun Baginda sendiri tidak mempraktiskannya.

Namun, ia tidak boleh difahami secara longgar bahawa tafsiran dengan maksud pukulan boleh diaplikasikan dalam konteks kehidupan hari ini. Sewajarnya perlu dinilai kembali tafsir yang lebih bersesuaian dengan konteks kehidupan hari ini.

10. Sepintas Lalu Statistik - United Nations' International Violence Against Women Survey in 2009 & 2010

-
- 9.2% Wanita di Singapura pernah mengalami kecederaan dan keganasan seks
 - 23% Wanita yang pernah mengalami serangan keganasan melaporkan secara rasmi
 - 1 daripada 10 wanita di Singapura pernah mengalami keganasan secara fizikal daripada kaum lelaki
 - 6 daripada 10 wanita mengalami keganasan fizikal yang berulang
 - 71.7% Wanita yang mengalami serangan keganasan daripada pasangan kebiasaanya tidak melaporkan kepada polis
 - 83% responden percaya wanita perlu kekal dalam hubungan walaupun mengalami serangan keganasan dalam keadaan tertentu
-

11. Peranan Asatizah Dalam Banteras Kes Keganasan Domestik

Asatizah mempunyai peranan yang cukup penting dalam memberi penerangan kepada masyarakat bagi membanteras kes keganasan domestik.

Ini dapat dilakukan di antaranya dengan memberikan kepada masyarakat perspektif yang sebenar dari sudut agama bagi mengubah tanggapan sesetengah pihak bahawa keganasan terhadap isteri merupakan satu perkara yang dibolehkan dari sudut agama.

Namun dalam hal ini, beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian dan perlu dilakukan oleh asatizah. Antara peranan dan pendirian yang perlu difahami oleh asatizah ialah:

Pertama: Faham isu

Asatizah terlebih dahulu perlu jelas isu keganasan domestik dan pandangan ulama dari sudut perbahasan maksud pukulan dalam Quran seperti dibincangkan sebelum ini, kegagalan dalam memahami isu ini akan memberikan kesan yang buruk kepada masyarakat.

Masyarakat akan menganggap bahawa pukulan merupakan hak suami dan keganasan boleh dilakukan oleh pihak suami. Sedangkan perbahasan ulama dalam perkara ini tidak semudah itu.

Kedua: Bersikap wasati

Perlu bersikap wasati dan sederhana dalam memahami pandangan mengenai ayat pukulan dalam Quran. Menolak bahawa ianya tiada dalam Quran juga merupakan satu perkara tiada asasnya, kerana terdapat ulama yang menyokong pukulan beserta syarat-syarat dilakukan pukulan.

Manakala menyatakan bahawa terdapat maksud pukulan di sisi para ulama tanpa penjelasan yang teliti juga boleh memberi kesilapfahaman dalam memahami nas Quran.

Ketiga: Bersikap Pro aktif

Asatizah perlu bersikap sebagai pemula atau pro aktif dalam memperjuangkan keganasan domestik adalah tiada tempatnya dalam agama.

Mereka juga boleh menggunakan wadah media sosial pada masa kini bagi menyampaikan kepada masyarakat tentang pengertian yang sebenar dan salah faham ayat pukulan dalam Quran ini.

Keempat: Kerjasama Dengan Pihak Lain

Bagi memastikan isu ini dapat difahami masyarakat, adalah penting bagi golongan asatizah dan pemimpin masyarakat di badan-badan Islam setempat, agensi sosial kebangsaan serta individu-individu tertentu serta pihak yang perlu kerjasama dalam mencari huraian dan memberikan penjelasan kepada masyarakat.

12. Sikap Asatizah Dalam Menangani Kes Keganasan Domestik

Sebagai asatizah yang sering didampingi masyarakat bagi mendapatkan penjelasan untuk sebarang kemusykilan agama dan tidak terkecuali persoalan mengenai keganasan domestik, maka adalah penting untuk asatizah mempunyai sikap-sikap berikut apabila berdepan dengan persoalan ini:

Pertama: Memahami perspektif agama

Sikap yang utama yang perlu ada ialah membekalkan diri dengan pengetahuan yang mencukupi dalam isu yang diperlukan; dalam hal ini ialah pengetahuan dalam perkara keganasan domestik.

Asatizah perlu memahami perspektif agama mengenai permasalahan nusyuz dan juga tentang maksud ayat mengenai pukul di dalam Al-Quran. Mengapa diturunkan ayat tersebut dalam Quran, mengapakah ianya tidak sesuai diamalkan kini, dan mengapakah sewajarnya kita perlu mencontohi perilaku Nabi s.a.w. dalam melayan isteri dengan sebaik-baik layanan.

Kedua: Bersikap empati

Dalam berdepan dengan permasalahan ini, sikap penting yang perlu ada dalam diri asatizah ialah empati terhadap individu yang bertanya.

Maksud empati di sini ialah meletakkan diri kita dalam diri individu yang memerlukan bantuan kita. Dengan itu kita dapat berusaha menyelami emosi dan perasaan serta masalah yang dihadapi oleh individu tersebut.

Ketiga: Tidak bias dan menghukum

Usah sesekali bias dan menghukum. Itulah sikap yang perlu ada diri para asatizah. Bukan terhadap isu ini sahaja, bahkan dalam isu apapun.

Dengan bersikap empati, ia dapat membantu dan tidak mudah menyalahkan sesiapa sama ada pihak suami atau isteri tanpa mendengar sebarang penjelasan dari kedua belah pihak terlebih dahulu.

Sikap tidak bias dan menghukum akan menjadikan para asatizah lebih objektif dalam memberikan huraian dan jalan keluar, serta memudahkan para asatizah menjelaskan pandangan agama terhadap keganasan domestik dan keburukan keganasan keluarga.

Keempat: Bijak dalam lakukan ‘referral’

Seperkara yang penting dalam hal ini, ialah para asatizah perlu tahu untuk merujuk kepada pihak yang lebih arif. Asatizah mungkin tempat pertama dirujuk, namun bagi menanganinya secara mendalam dan berterusan, asatizah perlu merujuk kepada pihak lain seperti para pekerja sosial di Pusat

Perkhidmatan Keluarga (FSC) atau ke Institut Kesihatan Mental (IMH) bagi menangani trauma, masalah kemurungan dan sebagainya.

13. Pendidikan Islam Dalam Keganasan Domestik

Bagi langkah selanjutnya, pendidikan Islam dalam menangani perkara keganasan domestik ini juga perlu disesuaikan dengan naratif yang lebih terkini bagi menangani silap faham sesetengah masyarakat. Antaranya:

- **Nusyūz bukan hanya untuk isteri.**

Dalam Islam bukan hanya untuk isteri sahaja, tetapi juga untuk para suami juga. Ini bermakna para suami yang tidak bertanggungjawab atau melakukan keganasan terhadap isteri juga dianggap sebagai *nusyūz*.

- **Akhlak Nabi itulah Al-Quran**

Mengubah naratif perbahasan ayat 'pukul' dari sudut pandangan ulama dan cara memukul yang dibenarkan kepada penekanan akhlak Nabi s.a.w terhadap para isterinya adalah sebaik-baik penafsiran terhadap konteks pukulan dalam Al-Quran, kerana akhlak Nabi itulah Al-Quran.

- **Pukul isteri adalah tidak OK.**

Merujuk kepada tujuan di sebalik diturunkan ayat pukulan kepada isteri adalah sebagai batasan pada amalan terdahulu dalam mendidik isteri, yakni tidak menjadi pukulan sebagai langkah pertama, sementara matlamat akhir sebenarnya ialah kembali kepada apa yang dianjurkan oleh akhlak Nabi sendiri iaitu tidak memukul isteri.

Dengan itu, mesej yang ingin disampaikan dalam Quran sebenarnya ialah pukulan adalah tidak OK.

- **Fokus pada tanggungjawab bersama**

Pendidikan Islam dalam hal rumahtangga sewajarnya adalah menyeluruh meliputi tanggungjawab keduanya, dan tidak menumpukan kepada soal ketaatan isteri kepada suami sahaja, tetapi termasuk tanggungjawab seorang suami terhadap isteri yang perlu ditaati suami.

- **Islam mlarang keganasan domestik**

Keganasan domestik adalah sama sekali dilarang dalam Islam, tiada langsung keizinan memukul sehingga mencederakan, tamparan di muka, menendang atau sebagainya, malah bagi yang mengikut pendapat mendidik dengan pukulan juga tidak mengizinkan perkara-perkara sedemikian.

- **Pilihan dan langkah bagi mangsa keganasan**

Kesedaran yang perlu ditekankan dalam hal pendidikan Islam mengenai keganasan domestik juga perlu meliputi penekanan bagi pilihan yang ada pada diri isteri dalam membuat pengaduan kepada pihak berkuasa dan juga rujukan kepada agensi-agensi tertentu bagi membantu mereka.

- **Cara memilih pasangan**

Menjelaskan kepentingan memilih pasangan berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan dalam agama melalui panduan Quran dan juga sunnah Rasulullah. Ketelitian memilih pasangan boleh mengurangkan risiko keganasan domestik, kerana tidak kurang kes-kes keganasan rumahtangga sudah pun terdapat simptomnya sebelum bernikah.

14. Kesimpulan

Keganasan domestik merupakan isu yang perlu ditangani secara bersama, dan asatizah mempunyai tanggungjawab menjelaskannya dari sudut perspektif agama.

Namun sebelum itu, perlu difahami akan perspektif sebenar konsep nusyuz dan dharb menurut pemahaman yang sebenar dalam konteks Islam.

Asatizah juga perlu jelas peranan mereka serta sikap yang perlu ada dalam menangani permasalahan keganasan domestik.